

SPR disyor diletak di bawah Parlimen, ada bajet sendiri
Utusan Online
04 April, 2012

KUALA LUMPUR 3 April – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) disyor supaya diletakkan di bawah Parlimen dan sekali gus bertanggungjawab terus kepada institusi tertinggi negara itu bagi memastikan isu kebebasan suruhanjaya tersebut tidak lagi dipersoalkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, melalui syor tersebut SPR juga dicadangkan supaya diberi kuasa mengadakan bajet sendiri.

Selain itu, beliau berkata, pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan para anggota SPR perlu dijalankan sebagaimana pelantikan bagi Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.

“Di bawah tajuk memperkukuhkan kedudukan SPR, syor ini juga bertujuan bagi menolak dakwaan tentang ketidakbebasan SPR,” katanya ketika membentangkan laporan PSC Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya di Dewan Rakyat hari ini.

Ongkili yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, antara syor lain, pihaknya juga meminta organisasi SPR distruktur semula dengan diberikan kuasa sewajarnya terutama bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang pilihan raya dijalankan oleh badan penguatkuasa SPR sendiri.

Dalam pada itu, di bawah tajuk persempadanan, pembiayaan politik dan sistem alternatif beliau berkata, PSC mengambil maklum terdapat cadangan supaya jumlah keseluruhan kerusi di Dewan Rakyat diseimbangkan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak seperti diperuntukan di dalam dokumen Inter Government Committee (IGC) semasa penubuhan Malaysia.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0404&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_05.htm